PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 Jun 2009

SOALAN

YB Dato' Haji Ismail bin Hj. Abd Mutalib (Maran) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapakah jumlah institusi kebajikan keluarga dan orang kurang upaya swasta yang telah didaftarkan dan menjalankan aktiviti mereka dan berapakah jumlah keluarga atau anggota yang terlibat mendapat faedah daripada perkhidmatan badan-badan berkenaan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengeluarkan perakuan pendaftaran kepada institusi kebajikan swasta (Pusat Jagaan) bagi kanak-kanak, OKU dan warga emas berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993. Sehingga April 2009, terdapat sebanyak 1,627 buah institusi kebajikan swasta kanak-kanak, OKU dan warga emas yang telah diluluskan pendaftarannya. Institusi tersebut telah memberi manfaat kepada seramai 3,475 orang penghuni. Buat masa ini, tiada institusi kebajikan swasta yang didaftarkan atas kategori keluarga. Jawapan Disediakan Oleh : 1) Nama : Shahrudin bin Shar Kasim 2) Jawatan : Pengarah 3) Bahagian : Perundangan dan Advokasi 4) No. Tel : 03 2616 5850 Jawapan Disemak Oleh Jabatan:- 1) Nama : Norani Haji Mohd Hashim 2) Jawatan : Pengarah Perancangan dan Pembangunan Jawapan Diluluskan Oleh Jabatan : - 1) Nama : Dato' Meme Zainal Rashid 2) Jawatan : Ketua Pengarah JKM Jawapan Disemak Oleh Kementerian:- 1) Nama : Dato’ Saripuddin Kasim 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian : - 1) Nama : Tan Sri Faizah Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha